



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA AWANG HAJI OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN PERINGKAT
NEGARA TAHUN 1445 HIJRAH**

**HARI RABU (MALAM KHAMIS),
17 RAMADHAN 1445H BERSAMAAN 27 MAC 2024M**

**BERTEMPAT DI DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَعَلَى أَلِهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Alhamdulillah wasysyukru lillah,

Menjunjung ampun menyembahkan bahawa hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan juga mewakili Penasihat-Penasihat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam serta Jawatankuasa Kerja Sambutan Majlis, bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang mendapat giliran bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama mengungkayahkan Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun ini, iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, di samping Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik menyerikan Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara yang berkeberkatan ini, dengan irungan do'a semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa

merahmati Kebawah Duli Tuan Patik dengan sihat ‘afiat dan bahagia, selamat dalam perlindungan-Nya.

Disembahkan bahawa tema sambutan tahun ini ialah *Al-Qur'an Pedomanku*.

Jelas maksudnya memperakukan bahawa Al-Qur'an selain menjadi bacaan sebagai kitab suci ialah untuk juga menjadi pedoman.

Kerana itu Al-Qur'an perlu dipelajari. Dari membacanya dengan lancar yang sebahagian ayat-ayat dari sebahagian surah-surahnya atau kesemuanya genap tiga puluh juzu' jika mampu dihafal maka hafalkanlah. Kesemua itu sudah boleh mendapatkan pahala.

Namun yang utama ialah mengetahui makna dan memahami ayat-ayatnya untuk memetik pengajaran daripadanya.

Dengan cara dan jalan itulah akan tercapai maksud berpedomankan Al-Qur'an yang memang dimaksudkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai *hudaa* yakni petunjuk-petunjuk yang disebut sebagai hidayat bagi hamba-hamba-Nya yang berstatus *al-Muttaqin* teguh beriman sehingga dengan berpedomankan Al-Qur'an itu mereka mendapat pengajaran yang dijadikan pegangan melaksanakan perintah-perintah Allah dan menghindari daripada larangan atau tegahan-tegahan Allah. Inilah mafhum daripada ayat 1 hingga 5 dalam pembukaan surah Al-Baqarah yang kita lancar membacanya itu:

الْمَ دَلِيلُكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝ الَّذِينَ
يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمَا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْأُخْرَةِ هُمُ
يُوقِنُونَ ۝ أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّنْ رَّبِّهِمْ ۝ وَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُفْلِحُونَ ۝

Tafsirnya:

Alif Lam Mim. (1) Itulah Kitab (al-Qur'an) yang tidak ada keraguan padanya. Ia adalah sebagai petunjuk bagi orang yang bertaqwa. (2) Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara ghaib (yang tidak kelihatan oleh mereka seperti hari Kiamat, syurga dan neraka), dan mereka mendirikan sembahyang (dengan sempurnanya) dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka. (3) Dan orang-orang yang beriman dengan apa yang diturunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad iaitu al-Qur'an) dan (beriman pula dengan) apa yang diturunkan kepada nabi-nabi yang terdahulu daripadamu (iaitu Taurat, Injil, dan Zabur) dan mereka penuh yakin (adanya) hari Akhirat. (4) Mereka itulah yang beroleh hidayat daripada Tuhan mereka. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan. (5)

Dalam hal ini, dengan bersyukur kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sukacita disembahkan bahawa di negara kita Brunei Darussalam yang berpemerintahan beraja dan diberkati Allah ini Al-Qur'an itu dipelajari dan diajarkan secara tradisi dalam masyarakat sampailah secara pembelajaran formal menerusi persekolahan. Diikuti juga dengan pengajian menghafalnya sampai ke peringkat diploma tertinggi.

Sementara untuk menyebarluaskan pengetahuan dan pemahaman isi kandungan ayat-ayat Al-Qur'an disebarkan bahawa usaha-usaha berterusan adalah dirancang dan dilaksanakan melalui penerbitan Kitab Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang diikuti dengan penerbitan bersiri atau berjuzu' kitab Huraian Tafsirnya.

Usaha yang juga sangat dititikberatkan ialah siaran radio dan televisyen, dan juga acara-acara majlis keilmuan yang bertujuan memberikan huraian atau tadabbur yakni memetik pengajaran daripada ayat-ayat Al-Qur'an. Usaha ini dan usaha-usaha lain termasuk menerusi kursus bidang yang berkenaan di pusat-pusat pengajian tinggi adalah sangat penting untuk turut lebih aktif dan tersusun serta terarah bagi pengajian ilmu-ilmu tentang kitab Al-Qur'an terutama mempelajari dan memahaminya secara kontekstual kehidupan individu, bermasyarakat dan seterusnya bernegara khasnya bagi kita di Brunei Darussalam negara yang bertuah diberkati Allah yang dalam konteks kemerdekaannya ia dimasyhurkan dengan azam *mengelakkannya sebagai negara Melayu*

Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Wal Jama'ah

Demikianlah disebahkan dalam hubungan salah satu aspek maksud tema Sambutan Nuzul Al-Qur'an tahun ini *Al-Qur'an Pedomanku* iaitu bertujuan mendorong dan meningkatkan pembelajaran Al-Qur'an, mengusahakan program-program menyebarluaskan pemahaman ayat-ayatnya dan pengajian keilmuannya yang tersusun dan terarah khasnya yang kontekstual dengan kehidupan individu, masyarakat dan seterusnya berpemerintahan beraja yang adil bijaksana dan berwawasan.

Sebelum mengakhir sembah, sekali lagi sekalian abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik mendo'akan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa dalam sihat 'afiat, aman bahagia, selamat dan sejahtera dalam perlindungan kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Demikianlah disebahkan. Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan untuk sembah junjung kasih atas keberangkatan Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

dan keberangkatan:

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Demikian juga sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria;

Dan ucapan terima kasih atas kehadiran;

- Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Yang Berhormat Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tuan-Puan Yang Terutama Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Dan hadirin dan hadirat yang berbahagia sekalian,

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebajikan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua. Amin ya rabbal 'alamin.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama
17 Ramadhan 1445H/27 Mac 2024M.